

CNS6978

R GB 14-03 00139 BH642

bah

Tentera

KEHADIRAN ANGGOTA TENTERA DI SABAH BUKAN BERBAU POLITIK, DR MAHATHIR

LANGKAWI, 14 Mac (Bernama) -- Kehadiran anggota tentera di Sabah bukannya berbau politik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata kehadiran anggota pasukan keselamatan di negeri itu ialah seperti biasa.

"Kita tidak menempatkan banyak tentera cuma macam biasa sahaja kerana di sana ada serangan lanun dan kejadian samun, katanya kepada pemberita di sini semasa mengulas laporan akhbar hari ini mengenai perkara itu.

Semalam, Panglima 5 Briged, Brig Jen Datuk Jelani Asmawi berkata di Kota Kinabalu ada segelintir masyarakat di Sabah yang tidak senang hati dengan kehadiran anggota tentera dalam menjaga keamanan di Sabah.

Menurutnya, kehadiran tentera tidak berbau politik seperti yang kononnya didakwa oleh sesetengah pihak sebaliknya menjaga keamanan negara.  
-- Lagi

▼14/03/20-03MST

CNS6982

R GB 14-03 00133 BH643

bah

Tentera 2 (Akhir) Langkawi

Ketika diminta mengulas mengenai perbezaan pendapat antara Ketua Hakim Negara Tun Hamid Omar dan Menteri Undang-undang Datuk Syed Hamid Albar mengenai fungsi mahkamah yang agak umum sehingga boleh menimbulkan salah faham, beliau berkata, menteri telah membuat penjelasan.

Dr Mahathir berkata memang semua keputusan membabitkan kepentingan awam tetapi persepsi awam mungkin berbeza dengan persepsi hakim.

Dalam kenyataann baru-baru ini, Syed Hamid berkata mahkamah perlu mengambil pendekatan baru dalam menjatuhkan hukuman sebagai memenuhi sistem keadilan negara dan kehendak rakyat dan tidak melihat dari aspek perundangan semata-mata.

Sementara itu, semasa diminta mengulas mengenai langkah Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menarik balik juruterbang dan kakitangan daripada Sultan Johor dan Sultan Pahang, Dr Mahathir berkata itu terpulang kepada TUDM. -- Bernama